Dr Hiu berkata, pemeriksaan luaran dan dalaman mendapati terdapat koyakan yang dijahit di bahagian belakang kepala tanpa patah tulang tengkorak atau muka, manakala otak menunjukkan perubahan cair akibat pereputan dan tidak dapat dinilai.

"Bahagian bawah lengan kiri, pergelangan tangan kiri, tangan kiri dan jari kelima kiri lebam dengan kecacatan akibat patah tulang radius distal kiri dan terkehel sendi pergelangan tangan.

"Terdapat lebam di buku lali kanan dengan patah berbilang tulang tibia distal kanan membabitkan sendi buku lali, koyakan pada kaki kiri, lebam di buku lali kiri dan kaki kiri dengan patah berbilang dan serong pada tibia distal kiri, patah berbilang tulang calcaneum kiri (tumit), terkehel sendi buku lali kiri, patah pada vertebra lumbar kedua hingga keempat, hematoma otot Psoas kiri dan hematoma terhad pada tisu pelvis retroperitoneum.

"Kecederaan ini konsisten dengan rekod perubatan, laporan CT Scan, CTA Scan dan sinar-X si mati," katanya.

Kecederaan luaran tambahan, katanya termasuk lecetan kecil di bahagian belakang lengan bawah kiri dan satu lagi di bahagian belakang siku kiri yang bersifat cetek tanpa kecederaan pada tisu subkutaneus, otot atau tulang di bawahnya.



Dr Hiu (kanan) hadir pada prosiding inkues kematian Zara Qairina di Mahkamah Koroner, Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

## 'Tiada dadah dalam tubuh mangsa'

**Kota Kinabalu:** Bedah siasat terhadap jenazah Allahyarham Zara Qairina Mahathir tidak mengesan sebarang dadah dalam anggota tubuhnya.

Pakar Patologi Hospital Queen Elizabeth (HQE), Dr Jessie Hiu, bagaimanapun, berkata terdapat Phenytoin dikesan dalam tisu buah pinggang.

Katanya, Phenytoin ialah ubat antisawan yang digunakan untuk merawat epilepsi yang juga biasa diberikan sebagai rawatan pencegahan dalam kes kecederaan otak traumatik teruk.

"Analisis toksikologi di makmal Jabatan Kimia tidak mengesan dadah biasa dalam sampel hati si mati. Namun, Phenytoin dikesan dalam tisu buah pinggang.

"Phenytoin ialah ubat antisawan yang digunakan untuk merawat epilepsi, juga biasa diberikan sebagai rawatan pencegahan dalam kes kecederaan otak traumatik teruk," katanya.

Terdahulu, katanya ketika bedah siasat, beliau mengambil sampel tulang sternum, tulang rusuk, kuku jari kanan dan kiri, calitan faraj rendah, faraj tinggi, dubur dan perineum untuk profil DNA.

Katanya, sampel hati dan buah pinggang juga diambil untuk analisis dadah dan toksikologi di Jabatan Kimia Malaysia.

Sementara itu, katanya pemeriksaan alat kelamin luaran, selaput dara, saluran faraj bawah, perineum dan dubur turut dilakukan. Bagaimanapun, hasil pemeriksaan itu tidak menunjukkan pembengkakan, lebam, lecetan, koyakan atau kecederaan lain dengan keadaan selaput dara didapati utuh.

# Ibu, bapa Zara dibenar jadi pihak berkepentingan

**Kota Kinabalu:** Mahkamah Koroner membenarkan ibu dan bapa Allahyarham Zara Qairina Mahathir serta lima pesalah kanak-kanak melalui peguam masing-masing menjadi pihak berkepentingan sepanjang inkues kematian pelajar terbabit yang bermula petang semalam.

Hakim Mahkamah Sesyen yang bertindak sebagai Koroner, Amir Shah Amir Hassan, membenarkan permohonan ibu dan bapa arwah, Noraidah Lamat, 45 dan Mahathir Hashim @ Marikin, 44, menerusi peguam masing-masing pada prosiding pagi semalam.

Pada prosiding itu, Noraidah diwakili peguam, Shahlan Jufri yang dibantu Rizwandean M Borhan; Mohd Luqman Syazwan Zabidi; Mohd Syarulnizam Mohd Salleh dan Farrah Nasser.

Bapa arwah Zara pula diwakili peguam, Sherzali Asli; Nurul Rafeeqa Afdul Mutolip dan Clarice Vyonne Conrad.

Tiada sebarang bantahan daripada mana-mana pihak terhadap permohonan kedua-dua pihak berkepentingan itu.

Sementara itu, Koroner menangguhkan prosiding selama setengah jam sehingga jam 10.30 pagi semalam, sebelum membuat keputusan mengenai permohonan peguam bagi lima tertuduh juvana dan pihak pemerhati.

Ketika prosiding bersambung, Amir Shah dalam keputusannya, membenarkan permohonan peguam mewakili lima remaja yang dituduh di Mahkamah Kanak-Kanak atas kesalahan buli untuk menjadi pihak berkepentingan.

Datuk Ram Singh, Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan mewakili seorang daripada lima pesalah kanak-kanak terbabit, manakala empat lagi diwakili peguam Azhier Farhan Arisin bersama Abdul Fikry Jaafar Abdullah.

Ketika prosiding itu, peguam mewakili ibu arwah dan Persatuan Undang-Undang Sabah membantah permohonan peguam tertuduh kanak-kanak terbabit untuk menjadi pihak berkepentingan kerana mereka sedang berdepan pertuduhan di Mahkamah Kanak-Kanak.

### Semua pihak perlu dilindungi

Dalam hujahnya, Ram Singh menjelaskan, mereka perlu dibenarkan sebagai pihak berkepentingan untuk melindungi kepentingan tertuduh kanak-kanak yang sedang diwakili.

Amir Shah ketika membenarkan permohonan itu, berkata selepas meneliti hujahan semua pihak, beliau berpendapat kepentingan semua perlu dilindungi pada prosiding inkues itu.

"Perkara (permohonan peguam tertuduh) ini dibantah SLS dan pasukan peguam ibu Zara Qairina, manakala pegawai pengendali pula tidak mengemukakan sebarang bantahan.

"Setelah meneliti hujahan semua pihak, saya berpendapat kepentingan semua perlu dilindungi. Oleh itu, saya memutuskan peguam bagi pihak remaja berkenaan diterima sebagai pihak berkepentingan dalam inkues ini," kata koroner berkenaan.

Koroner turut membenarkan permohonan Persatuan Undang-Undang Sabah (SLS) dan wakil dari Kementerian Pendidikan (KPM) untuk sebagai pemerhati dalam prosiding inkues.

Barisan peguam SLS terdiri daripada Presidennya, Datuk Mohamed Nazim Maduarin yang dibantu peguam, Jamadi Saleh, Dominic Ghani dan Nabila Norsahar, manakala KPM diwakili Dr Norahimah Fitri.

Pelantikan semua pihak berkepentingan itu dibawa semula ke hadapan Amir Shah pagi semalam, susulan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Duncan Sikodol, kelmarin yang mengetepikan keputusan terdahulu selepas Koroner, Azreena Aziz, menarik diri daripada mendengar prosiding inkues itu.

Koroner Azreena, yang juga Pengarah Mahkamah Negeri Sabah, menarik diri mengendalikan inkues itu atas alasan beliau menetap di Papar, iaitu lokasi sekolah agama dihadiri Zara Qairina, meskipun menegaskan beliau tidak mengenali individu yang didakwa terbabit.

Sejurus selepas keputusan mengenai kemasukan peguam itu selesai, Amir Shah menetapkan 11 September ini untuk melawat lokasi kejadian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha, Papar, pada jam 9.30 pagi.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ZARA'S DEATH UNLIKELY FROM 'ACCIDENTAL FALL OR PUSH' | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |






EXPERT TESTIMONY

# ZARA'S DEATH UNLIKELY FROM 'ACCIDENTAL FALL OR PUSH'

Forensic pathologist tells inquest that victim's injuries were consistent with 'fall from height'



*Dr Jessie Hiu (right) is the first witness to testify yesterday at the Kota Kinabalu Courts Complex.* NSTP PIC BY MOHD ADAM ARININ

**KOTA KINABALU**

THE late Zara Qairina Mahathir's death was unlikely to have been caused by an accidental fall or by being pushed from a standing position, a forensic expert told the inquest on its first day.

Forensic pathologist Dr Jessie Hiu, the first witness, testified that on Aug 2, she was asked to provide a professional opinion on Zara's antemortem injuries.

**Dr Hiu**: I have reviewed her medical records, including radiographs, CT, and CTA scan reports and conducted an examination at the scene on Aug 2 at 12.30pm.

Based on the examination of the scene at Zara's hostel, Dr Hiu said the measurement from the floor to the topmost horizontal metal rail attached to the third-floor concrete railing is 118cm.

**Dr Hiu**: I was informed that the deceased's antemortem height was 154cm. The difference between her height and the topmost horizontal metal rail is 36cm.

She said the height of the metal rail was more than three-quarters of Zara's height and was likely above her centre of gravity. (In females, this is generally located in the pelvic region, just below the navel).

**Dr Hiu**: Based on the measurements, in my opinion, it is unlikely that the deceased accidentally fell or was pushed from a standing position next to the concrete railing along the corridor.

Zara was found unconscious on July 16 at her school in Papar and sent to the Queen Elizabeth Hospital (QEH) in critical condition.

She died the following day.

Her remains were exhumed for a post-mortem, which was conducted at QEH in Kota Kinabalu on Aug 10.

Meanwhile, when prosecution deputy chief II Datuk Badiuszaman Ahmad asked whether the distribution and nature of injuries were consistent with physical abuse, Dr Hiu said: "No. The injuries in this case are consistent with a fall from height."

She said the injuries were caused by two mechanisms: direct impact trauma and deceleration height injury.

**Dr Hiu**: In this case, the direct impact trauma was on both knees, a common finding in those who landed on their feet. The secondary impact trauma was on the left upper limb, when she fell backwards sustaining injuries on her left forearm.

Dr Hiu said the direct impact on the lower limbs forced it to be transmitted vertically upward resulting in the fracture of the lumbar vertebrae and injury to muscle tissue.

As for deceleration injuries, the pathologist said they were due to movement of the body and the internal organs when the body landed on the ground.

She said the bleeding in the brain was due to the stretching and tearing of the blood vessels.

Dr Hiu has been a forensic pathologist at QEH here since 1998 and conducts between 100 and 150 post-mortems a year.

She had also testified as a medical expert 10 to 15 times year in courts across Sabah and Labuan.

Zara's post-mortem was conducted by Dr Hiu and her colleague, Dr Muhammad Uzair Ahmad Suriani, from QEH; Hospital Sultan Idris Shah's pathologist Dr Khairul Anuar Zainup and assisted by QEH medical officer Dr Lau Cheng.

Dr Hiu is among 68 witnesses to be called before Coroner Amir Shah Amir Hassan in the 17-day inquest.

The hearing adjourned at 4.30pm and Dr Hiu will continue to testify today.

## ZARA QAIRINA MAHATHIR INQUEST

**Coroner:** Sessions Court judge Amir Shah Amir Hassan

**State prosecution director:** Nahra Dollah

**Deputy public prosecutors:** Mohd Fairus Johari, Dana Arabi Wazani, Sofia Sawayan and Dacia Jane Romanus

**Prosecution deputy chief II:** Datuk Badiuszaman Ahmad

**Lawyers for Zara Qairina's family:** Sherzali Herza Asli, Nurul Rafeeqa Afdul Mutolip and Clarice Vyonne Conrad

**Lawyers for five accused teenagers:** Datuk Ram Singh, Joan Goh, Prem Elmer Ganasan, Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Fareez Salleh and Sylvester Kuan

**68** witnesses including **35** teenagers are set to appear on **Sept 3 and 4; Sept 8 to 12; Sept 17 to 19;** and **Sept 22 to 30.**

INFOGRAPHIC NST

## Lawyers to use mannequin to help explain injuries

**KOTA KINABALU:** A life-size mannequin may be brought into the Coroner's Court to help explain the injuries sustained by Zara Qairina Mahathir.

The legal team representing one of the teenagers, Datuk Ram Singh, said the mannequin would help visualise evidence for all parties involved in the inquest into her death.

"We want to prepare ourselves with questions, not cross questions, but questions as to the facts. That's why we will probably ask for the mannequin to help explain the injuries.

"We have done this before, and it makes things easier to see," he told the press after the court proceedings yesterday.

Efforts were underway to source the mannequin before the next court date, stressing that it was legally permissible under the Criminal Procedure Code.

"We are going to buy it today. Tomorrow, we expect to bring it in.

"Even for senior lawyers like us, it will be easier. And for you all (the press), unless we use AI. But I think the mannequin will be clearer," he said.

Zara's mother's lawyer, Shahlan Jufri, said it was still too soon to draw conclusions from Dr Jessie Hiu's testimony.

"It's not even halfway through. There is still a lot more.

"That is why we do not want to give further statements. We are only at the beginning, at the starting line," he said.

## Court to visit scene where Zara fell

**KOTA KINABALU:** The Coroner's Court here has fixed Sept 11 for parties in the inquest into the death of Zara Qairina Mahathir to visit the scene where she was found.

Sessions Court judge Amir Shah Amir Hassan, sitting as coroner, set the date after all parties agreed. The visit will take place at 9.30am at the Papar school where Zara was found unconscious on July 16. She died the next day at Queen Elizabeth Hospital.

Forensic pathologist Dr Jessie Hiu, the first witness in the proceedings, is expected to attend the visit.

Earlier, Amir allowed Zara's parents, Noraidah Lamat, 45, and Mahathir Mohd Hashim @ Marikin, 44, to be admitted as interested parties. Both filed separate applications through their legal teams. Neither parent was in court.

The coroner also allowed lawyers representing five minors to be interested parties after hearing submissions from the Sabah Law Society (SLS), lawyers for Zara's parents, and the defence team for the minors.

Amir said there was no objection from the conducting officer, and that the objections came from the SLS and the legal team for Zara's mother, while the legal team for Zara's father opted to remain neutral.

"Having heard all parties' submissions, I must say that, at this stage, all interests must be protected.

"Therefore, I allow the lawyers for the child offenders to be declared as interested parties," said the coroner.

The coroner also allowed applications by the SLS, through lawyer Jamadi Saleh, to hold a watching brief and act as *amicus curiae* (friend of the court).

Senior Federal Counsel Dr Norahimah Fitri from the Education Ministry was likewise allowed to hold a watching brief.

Lawyers had to reapply to be interested parties following a ruling by High Court Judge Datuk Duncan Sikodol, who set aside an earlier decision by previous coroner Azreena Aziz concerning applications made in the inquest.

Duncan, on Tuesday, however, said the parties involved were at liberty to refile their applications before the new coroner.

On Aug 28, Azreena, who is also the Sabah State court director, recused herself on the grounds that she lives in Papar district, where Zara's religious school is located, though she stated she was not familiar with the individuals allegedly involved.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAK MUNGKIN SEBAB JATUH TIDAK SENGAJA' | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



DR Jessie (kanan) yang menjadi saksi pertama prosiding inkues kematian Zara Qairina dilihat tiba di lobi Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, semalam.

INKUES KEMATIAN ZARA QAIRINA

# 'Tak mungkin sebab jatuh tidak sengaja'

*Pakar patologi dedah pendapat hasil siasatan di lokasi kejadian*

**Kota Kinabalu**

Kematian Zara Qairina Mahathir tidak mungkin berpunca daripada terjatuh secara tidak sengaja mahupun ditolak dari posisi berdiri di lokasi kejadian.

Pakar Patologi Forensik, Dr Jessie Hiu berkata, pada 2 Ogos lalu, beliau diminta untuk memberikan pendapat profesional mengenai kecederaan antemortem (sebelum kematian) yang dialami Zara.

"Saya sudah meneliti rekod perubatannya, termasuk radiograf, laporan imbasan CT dan CTA, serta menjalankan pemeriksaan di lokasi kejadian.

"Berdasarkan pemeriksaan di asrama si mati, ukuran dari lantai ke rel besi melintang paling atas yang dipasang pada tembok konkrit di tingkat tiga ialah 118 sentimeter (cm).

"Saya dimaklumkan ketinggian antemortem si mati ialah 154cm. Perbezaan antara ketinggian si mati dengan rel besi melintang paling atas ialah 36 cm.

"Ketinggian rel besi itu adalah lebih daripada tiga perempat ketinggian si mati dan berkemungkinan berada di atas pusat gravitinya," katanya ketika siasatan di lokasi kejadian dijalankan pada 2 Ogos, jam 12.30 tengah hari.

Dr Hiu berkata demikian ketika membacakan kenyataan bertulis saksi setebal lima muka surat di hadapan Koroner Amir Shah Amir Hassan semalam.

Kenyataan itu turut menyatakan, bagi wanita, pusat graviti lazimnya terletak di bahagian pelvis, selalunya di bawah pusat dalam posisi berdiri.

"Berdasarkan ukuran ketinggian dan lebar tembok konkrit, ketinggian rel besi, serta ketinggian antemortem si mati, adalah berkemungkinan untuknya memanjat tembok konkrit itu, menyeberangi rel besi dan berdiri di atas tembok konkrit tersebut," katanya.

Dr Hiu berkhidmat sebagai pakar patologi forensik di Hospital Queen Elizabeth di sini sejak 1998.

Secara purata, pakar itu mengendalikan dan menyelia antara 100 hingga 150 bedah siasat setahun.

Beliau juga pernah memberi keterangan sebagai saksi pakar secara purata 10 hingga 15 kali setahun di Mahkamah Majistret, Sesyen dan Tinggi di Sabah serta Labuan.

> *Ketinggian rel besi itu adalah lebih daripada tiga perempat ketinggian si mati dan berkemungkinan berada di atas pusat gravitinya"*
>
> **Dr Jessie**

## Mahkamah Koroner benar ibu, bapa jadi pihak berkepentingan

**Kota Kinabalu:** Mahkamah Koroner membenarkan ibu dan bapa Allahyarham Zara Qairina Mahathir serta lima remaja melalui peguam masing-masing sebagai pihak berkepentingan dalam inkues kematian remaja 13 tahun itu.

Koroner Amir Shah Amir Hassan membenarkan permohonan Noraidah Lamat, 45 dan Mahathir Hashim @ Marikin, 44, menerusi peguam masing-masing pada prosiding permohonan semalam.

Pada prosiding itu, Noraidah diwakili peguam Shahlan Jufri dan Rizwandean M Borhan serta Mohd Luqman Syazwan Zabidi, Mohd Syarulnizam Mohd Salleh dan Farrah Nasser.

Mahathir pula diwakili peguam Sherzali Asli, Nurul Rafeeqa Afdul Mutolip dan Clarice Vyonne Conrad.

Tiada sebarang bantahan terhadap permohonan kedua-dua pihak berkepentingan.

Sementara itu, Mahkamah Koroner menangguhkan sementara prosiding selama setengah jam hingga jam 10.30 pagi sebelum membuat keputusan berhubung permohonan peguam kanak-kanak terbabit dan pihak pemerhati.

Ketika prosiding bersambung, Koroner Amir Shah membacakan keputusannya membenarkan permohonan peguam mewakili lima remaja yang dituduh di Mahkamah Kanak-Kanak atas kesalahan buli untuk menjadi pihak berkepentingan.

Datuk Ram Singh, Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan mewakili seorang daripada tertuduh terbabit, manakala empat lagi diwakili peguam Azhier Farhan Arisin bersama Abdul Fikry Jaafar Abdullah.

Ketika prosiding, peguam mewakili ibu arwah dan SLS membantah permohonan peguam remaja berkenaan untuk menjadi pihak berkepentingan kerana berdepan pertuduhan di Mahkamah Kanak-Kanak, manakala tiada bantahan daripada peguam bapa arwah.

Dalam hujahnya, Ram Singh menjelaskan mereka perlu dibenarkan sebagai pihak berkepentingan untuk melindungi kepentingan remaja yang diwakili mereka.

Mahkamah Koroner turut membenarkan permohonan Persatuan Undang-Undang Sabah (SLS) dan wakil dari Kementerian Pendidikan (KPM) untuk sebagai pemerhati dalam prosiding inkues.

Barisan peguam SLS terdiri daripada presidennya, Datuk Mohamed Nazim Maduarin, Jamadi Saleh, Dominic Ghani dan Nabila Norsahar, manakala KPM diwakili Dr Norahimah Fitri.

Sementara itu, Pegawai Pengendali yang diketuai Pengarah Pendakwa Raya Negeri, Nahra Dollah memaklumkan lawatan tapak kejadian akan dibuat minggu depan dan diputuskan pada jam 9.30 pagi, 11 September 2025.

## Keadaan jenazah baik, mudah bedah siasat

**Kota Kinabalu:** Jenazah Zara Qairina Mahathir mengalami tahap pereputan sederhana hingga lanjut selepas dikeluarkan semula dari kubur untuk proses bedah siasat pada 9 Ogos lalu.

Pakar Patologi Hospital Queen Elizabeth (HQE), Dr Jessie Hiu berkata tahap pereputan tubuh adalah konsisten dengan tempoh pengebumian dalam tanah.

Bagaimanapun, katanya keadaan jenazah arwah, kecuali otak masih dalam keadaan baik dan membolehkan bedah siasat dijalankan dengan baik.

"Walaupun badan telah mereput, tisu-tisu kecuali otak masih agak utuh, membolehkan pemeriksaan luaran dan dalaman serta pendokumentasian kecederaan dijalankan," katanya ketika membacakan keterangan bertulis di Mahkamah Koroner di sini, semalam.

Katanya, penggalian semula jenazah dijalankan pada 9 Ogos lalu di Tanah Perkuburan Tanjung Ubi Mesapol, Sipitang.

Beliau berkata, pengecaman jenazah disahkan oleh ibunya, Noraidah Lamat selepas proses penggalian semula dan sebelum pemeriksaan bedah siasat di HQE.

Dr Jessie berkata, pemeriksaan bedah siasat dijalankan pada 10 Ogos 2025 bermula jam 11.25 pagi di Jabatan Perubatan Forensik, HQE.

"Saya melakukan pemeriksaan bersama Pakar Perubatan Forensik HQE, Dr Muhammad Uzair Ahmad Suriani dan Pakar Perubatan Forensik Hospital Sultan Idris Shah, Serdang, Dr Khairul Anuar Zainun," katanya.

Mereka dibantu oleh Pegawai Perubatan di Jabatan Perubatan Forensik, HQE, Dr Lau Cheng selain disaksikan tiga anggota polis dengan dibantu seorang jurugambar polis, manakala peguam Shahlan Jufri pula mewakili pihak keluarga.

Dr Jessie berkata, pemeriksaan luaran dan dalaman mendapati terdapat koyakan yang telah dijahit di bahagian belakang kepala tanpa patah tulang tengkorak atau muka, manakala otak menunjukkan perubahan cair akibat pereputan dan tidak dapat dinilai.

## Lawat lokasi mangsa ditemui Khamis depan

**Kota Kinabalu:** Mahkamah Koroner menetapkan Khamis minggu depan untuk lawatan ke lokasi Allahyarham Zara Qairina Mahathir ditemui tidak sedarkan diri ketika insiden pada awal pagi, 16 Julai lalu.

Koroner Amir Shah Amir Hassan menetapkan lawatan itu di sekolah arwah Zara Qairina di Kinarut, Papar pada jam 9.30 pagi, 11 September ini.

Sebelum itu, ketika prosiding semalam, Pegawai Pengendali yang juga Pengarah Pendakwa Raya Negeri, Nahra Dollah memohon kepada mahkamah untuk mengadakan lawatan lokasi pada Jumaat, 12 September.

Bagaimanapun, tarikh itu tidak dipersetujui peguam mewakili tertuduh remaja sebelum Koroner Amir Shah mencadangkan tarikh baharu pada 11 September.

Lawatan itu nanti akan disertai Koroner, pihak berkepentingan, pemerhati dan saksi berkaitan bagi melakukan identifikasi di lokasi kejadian.



Anggota polis ketika hadir di lokasi kejadian di sebuah kondominium di Bayan Lepas, malam tadi.

# Wanita pakai kostum anime 'Korumi Tokisaki' maut jatuh kondo

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 4 September 2025, 4:33 am

BALIK PULAU – Seorang wanita dengan kostum anime menyerupai karakter 'Korumi Tokisaki' ditemukan maut dipercayai selepas terjatuh dari tingkap sebuah kondominium di Bayan Lepas di sini, malam tadi.

Mayat mangsa yang berambut perang seakan warna merah jambu itu dijumpai orang awam di petak parkir kereta, aras bawah perumahan terbabit, kira-kira pukul 9.20 malam.

Difahamkan, kejadian disedari penduduk selepas terdengar dentuman kuat dari lokasi kejadian, berhadapan sebuah tadika.

"Kami sangka berlaku kejadian gempa bumi tetapi gegaran itu berlaku hanya sekali.

"Bunyi kuat seperti 10 tong gas jatuh dari tempat tinggi. Awalnya, saya dengar ada orang awam jerit. Saya terus ke lokasi kejadian dan mendapati mangsa sudah terbaring dalam keadaan sudah tidak sempurna," dakwa salah seorang penghuni yang tinggal di lokasi berhampiran.

Dalam pada itu, dakwa penduduk lagi, mangsa juga seringkali dilihat mengenakan cosplay anime yang lengkap sambil membawa anak patung dan duduk di batu berhampiran lobi lif.

Malah, mereka turut mendakwa kali terakhir melihat mangsa dengan seorang wanita dipercayai ibunya petang semalam.

"Ibu mangsa juga dilihat mengenakan kostum anime sama cuma watak yang berbeza. Mereka memang tinggal di sini tapi kami tidak pasti tingkat berapa (lokasi kediaman) mereka," ujarnya.

Mayat mangsa kemudiannya dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Pulau Pinang, kira-kira pukul 12.30 malam tadi. -KOSMO! ONLINE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI PAKISTAN KENA JEL LIMA TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

CIUM KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

# Lelaki Pakistan kena jel lima tahun

**Seremban:** Lelaki warga Pakistan dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas mengaku bersalah mencium kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang mempunyai masalah pembelajaran.

Tertuduh, Uzman Khan, 22, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Tertuduh yang bekerja sebagai buruh binaan dituduh atas perbuatan itu yang dilakukan jam 6.30 petang, di sebuah hentian bas di Taman Tuanku Jaafar, di sini, 24 Ogos lalu.

Warga Pakistan itu didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Rakan senegaranya, Abrar Tasib, 33, didakwa di mahkamah sama atas pertuduhan memiliki gambar pornografi kanak-kanak sama di dalam telefon bimbitnya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban, 6.30 petang, 28 Ogos lalu.

Abrar dijatuhi hukuman penjara dua tahun selepas mengaku bersalah mengikut Seksyen 10 Akta 792 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda sehingga RM10,000, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Norazihah Asmuni memohon mahkamah mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

Jelas Norazihah, tertuduh yang baru bekerja selama dua tahun di negara ini melakukan kesalahan serius terhadap kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran.

Media sebelum ini melaporkan, polis menahan dua lelaki warga Pakistan selepas disyaki mencabul seorang kanak-kanak perempuan kurang upaya (OKU) berusia 11 tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PAKISTANI JAILED FIVE YEARS FOR KISSING GIRL WITH INTELLECTUAL DISABILITY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pakistani jailed five years for kiss ng girl with intellectual disability

**SEREMBAN:** A Pakistani national was sentenced to five years in jail by the Sessions Court here after pleading guilty to kissing an 11-year-old girl with an intellectual disability on the lips.

Uzman Khan, 22, did not contest the charge after it was read to him before Judge Surita Budin.

The labourer was charged with committing the offence at a bus stop in Taman Tuanku Ja'afar around 6.30pm on Aug 24.

He was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a jail term of up to 20 years and whipping.

His fellow countryman, Abrar Tasib, 33, was also charged before Surita with possessing pornographic images of the same victim on his mobile phone.

He was sentenced to two years in jail after pleading guilty to the charge under Section 10 of the same Act.

The offence carries a jail term of up to five years, a fine not exceeding RM10,000, or both.

Deputy public prosecutor Norazihah Asmuni urged the court to impose punishments that commensurate with the gravity of the offences.

She said both accused, who had been working in Malaysia for two years, committed a serious offence against a vulnerable child.

In mitigation, Uzman plea led for leniency, saying he had to work to pay for his father's tuberculosis treatment and support his three school-going younger siblings.

"I come from a very poor family, if I don't send money home, my family will have no food to eat," he said.

Abrar, meanwhile, claimed the victim had sent him the photographs and told him she was 28 years old.

"Apart from the photos, I did not do anything wrong," he said, adding that he needed to provide for his wife, two children and younger siblings back home.

Facts of the case revealed that both accused had befriended the girl through TikTok.

Police arrested them after a photograph of Uzman kissing the victim at the bus stop went viral.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BURUH DIPENJARA 30 TAHUN, 14 SEBATAN KERANA ROGOL ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Buruh dipenjara 30 tahun, 14 sebatan kerana rogol anak tiri

**SIBU:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun berserta 14 sebatan terhadap seorang buruh atas dua pertuduhan merogol anak tirinya empat tahun lepas.

Hakim Stella Augustine Druce terdahulu mengenakan hukuman penjara 13 tahun dan lima sebatan terhadap tertuduh, 31, bagi setiap pertuduhan di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

Sebagai tambahan mengikut Seksyen 16, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, tertuduh turut dikenakan hukuman penjara dua tahun berserta dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Tertuduh diperintah menjalani hukuman penjara itu secara berasingan berkuat kuasa daripada tarikh dia ditangkap iaitu 21 Ogos 2025.

Sementara itu, mahkamah turut membebas tanpa melepaskan (DNAA) tertuduh daripada pertuduhan ketiga bagi kesalahan merogol mangsa yang sama.

Tertuduh dalam pada itu, turut mengaku tidak bersalah bagi pertuduhan keempat bagi kesalahan merogol mangsa sama dan mahkamah menetapkan 2 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes.

Mengikut pertuduhan pindaan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan hubungan seks dengan anak tirinya yang berusia 11 tahun empat bulan pada Januari dan Julai 2021, antara jam 6 petang hingga 11.59 malam di rumah panjang di Kanowit.

Bagi pertuduhan pindaan ketiga dan keempat, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama pada 1 dan 14 Jun 2025, antara jam 6 petang hingga 11.59 malam di rumah panjang di Kanowit.

Sehubungan itu, dia melakukan kesalahan di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan di bawah Seksyen 376B, memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun serta tidak lebih 30 tahun dan juga sebatan sementara Seksyen 16 membawa hukuman penjara tidak lebih lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan fakta kes, pada 9 Julai 2025, kira-kira jam 12 tengah hari, pengadu iaitu mangsa bersama adik perempuannya bertindak melarikan diri dari rumah panjang mereka setelah tidak tahan dirogol oleh tertuduh sejak berusia 11 tahun.

Pada 20 Ogos 2025, pengadu telah dibawa oleh ayah kandungnya ke hospital kerana mengadu sakit perut sebelum mangsa disahkan oleh doktor mengandung enam bulan.

Bertindak atas maklumat, pihak polis telah menahan seorang lelaki dan seorang wanita bagi membantu siasatan.

Siasatan yang dijalankan mendapati mangsa telah dirogol oleh tertuduh sejak berusia 11 tahun pada tahun 2021.

Siasatan juga mendapati tertuduh merogol mangsa pada Januari dan Julai 2025, antara jam 6 petang hingga 11.59 malam.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry, sementara tertuduh tidak diwakili.



**PENJARA DAN SEBAT: Tertuduh dbawa keluar dari Mahkamah Sesyen Sibu, semalam setelah dijatuhi hukuman atas dua pensabitan merogol anak tirinya.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAPE: GIRL'S 4-YEAR HELL ENDS WITH JAILING OF STEPDAD, MUM | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rape: Girl's 4-year hell ends with jailing of stepdad, mum



Conny Banji
conny@theborneopost.com

**SIBU:** The Sessions Court here yesterday sentenced a man to a total of 30 years' imprisonment and 14 strokes of the cane for repeatedly raping his underage stepdaughter over a period of four years.

The accused, 31, was charged with four counts of incest under Section 376B of the Penal Code read together with Section 16 of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

He pleaded guilty before Judge Stella Augustine Druce to three amended charges under the same Section.

For the first and second charge, he was sentenced to 13 years in prison and five strokes of the cane each, along with an additional two years and two strokes under Section 16 of the Sexual Offences Against Children Act 2001 for each charge.

For the third charge, however, the court granted him a discharge not amounting to an acquittal.

The accused claimed trial to the fourth charge, with the court fixing Oct 2, 2025 for pre-trial case management.

The crime came to light after the victim sought medical attention for a stomachache on Aug 20 this year, during which a doctor confirmed she was six months pregnant.

Acting on a report lodged, police arrested the accused and his wife—the girl's biological mother—the following day.



The two accused are led away after sentencing.

Investigations revealed the victim had been raped by the accused since 2021 when she was 11 years old. The victim recalled the first incident happened in January 2021 between 6pm and 11.59pm in her bedroom.

Meanwhile in the same courtroom, the accused's wife was sentenced to three years' imprisonment and 240 hours of community service for allowing her daughter to be sexually abused by her husband.

The 35-year-old woman pleaded guilty to a charge framed under Section 31(1)(b) of the Child Act 2001, which provides a maximum fine of RM50,000 or imprisonment not exceeding 20 years, or both, upon conviction.

The court also ordered her to execute a RM30,000 undeposited bond of good behaviour with two local sureties for six months after serving her sentence.

She committed the offence between 2021 and 2025 at a longhouse in Kanowit.

Investigations revealed the accused knew that her husband had raped her daughter, with three of the latest incidents taking place in June this year.

Deputy public prosecutor Cynthia Emmelda Jerry prosecuted, while both accused were not represented.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAFI ANIAYA ANAK TIRI BERUSIA ENAM TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nafi aniaya anak tiri berusia enam tahun

**Johor Bahru:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan menganiaya anak tirinya dengan cara yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal, bulan lalu.

Tertuduh berusia 32 tahun membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Thalha Bachok @ Embok Mok.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu yang mempunyai pemeliharaan ke atas kanak-kanak lelaki berusia enam tahun itu didakwa menganiaya mangsa dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Taman Sutera Utama, Skudai, di sini, antara jam 8 malam hingga 9 malam, 24 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang membawa hukuman denda RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sebagai tambahan hendaklah menyempurnakan satu bon jaminan berkelakuan baik serta melaksanakan khidmat masyarakat.

Timbalan Pendakwa Raya Siti Fatimah Mamu menawarkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan lapor diri di balai polis terdekat sebulan sekali, pasport diserahkan kepada mahkamah dan dilarang mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan.

Siti Fatimah turut memberitahu mahkamah bahawa mangsa kini berada di rumah ibu saudara dan neneknya selepas dibenarkan keluar dari hospital.

"Isteri tertuduh adalah ibu kandung mangsa yang wanita itu turut dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini (semalam) atas tuduhan pengabaian," katanya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan terhadapnya dikurangkan kerana menanggung lima anak dengan seorang isteri dan seorang ibu.

Di samping itu, katanya, dia tidak mampu membayar jaminan tinggi kerana hanya bekerja sendiri dengan gaji RM1,500 sebulan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta tiga syarat tambahan seperti yang dicadangkan pihak pendakwaan.

***Sebutan semula kes ditetapkan pada 30 September depan*** bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU BENARKAN ANAK DIROGOL SUAMI DIPENJARA TIGA TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu benarkan anak dirogol suami dipenjara tiga tahun



**DIPENJARAKAN: Tertuduh (kiri) diiringi keluar oleh pihak polis keluar dari Mahkamah Sesyen setelah dijatuhi hukuman semalam.**

**SIBU:** Seorang pelayan kedai kopi dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas pertuduhan membenarkan anak kandungnya didera secara seksual oleh suaminya, yang juga ayah tiri kepada mangsa.

Hakim Stella Augustine Druce yang menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, 35, turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh penahanannya iaitu 29 Ogos 2025.

Tertuduh juga dikenakan bon berkelakuan baik selama enam bulan bercagar RM30,000 dengan dua penjamin mengikut Seksyen 31(2(a) Akta Kanak-Kanak 2001 setelah tamat menjalani hukuman.

Sebagai syarat tambahan, tertuduh juga diperintah menjalani khidmat komuniti selama 240 jam setelah tamat menjalani hukuman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bertanggungjawab menjaga anaknya, didakwa membenarkan anaknya itu didera secara seksual di sebuah rumah panjang di Kanowit antara tahun 2021 hingga 2025.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 31(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001, yang sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pada 9 Julai 2025 kira-kira jam 12 tengah hari, pengadu iaitu mangsa bersama adik perempuannya bertindak melarikan diri dari rumah panjang mereka setelah tidak tahan dirogol ayah tirinya sejak berusia 11 tahun.

Pada 20 Ogos 2025, pengadu telah dibawa ayah kandungnya ke hospital kerana mengadu sakit perut sebelum mangsa disahkan doktor sedang hamil enam bulan.

Bertindak atas maklumat, pihak polis telah menahan seorang lelaki dan seorang wanita bagi membantu siasatan.

Siasatan yang dijalankan mendapati mangsa telah dirogol oleh ayah tirinya sejak berusia 11 tahun pada tahun 2021.

Siasatan juga mendapati tertuduh tahu mangsa dirogol suaminya iaitu ayah tiri mangsa.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry, sementara tertuduh tidak diwakili.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BADMINTON COACH DENIES SEXUALLY ASSAULTING BOY | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 4 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Badminton coach denies sexually assaulting boy

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** A badminton coach has claimed trial to three counts of committing physical sexual assault on a 12-year-old boy.

Ahmad Subhi Suhaimi pleaded not guilty after the charges were read before Sessions Court judge Surita Budin yesterday.

In the first charge, the accused was said to have committed the offence against the victim in a car at around 3.30pm in May this year in Nilai.

For the second charge, he allegedly carried out the same act at around 5pm on July 8 at a house in Nilai.

The accused was also alleged to have committed a similar offence in a school badminton hall at around 11.55am on Aug 5.

Ahmad Subhi, 29, who is a bachelor, was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, read together with Section 16(1) of the same Act.

Section 14(a) provides a jail term of up to 20 years and whipping while Section 16(1) carries a jail term of up to five years and whipping of not less than two times.

Deputy public prosecutor Norazihah Asmuni offered bail of RM30,000 with one surety for each charge.

Other conditions include for the accused not to contact the victim or witnesses, to report at the nearest police station once a month until the case is disposed of and to surrender his passport to the court.

The accused's father then pleaded for a lower bail, adding that he would make sure his son appears in court.

Surita then set bail at RM10,000 for each charge and allowed the other conditions set by the prosecution.

She fixed Oct 6 for next mention and told the accused to appoint a lawyer.